

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

**PEMBANGUNAN MODEL AKHLAK
REMAJA BERPENDEKATAN TAHFIZ
DI MALAYSIA**

**MOHAMAD GHAZI FARIS BIN ABDUL
MUTALIB**

Tesis dikemukakan bagi memenuhi
keperluan untuk ijazah
Sarjana Pengajian Islam Kontemporari

Akademi Pengajian Islam Kontemporari

Oktober 2025

ABSTRAK

Gejala keruntuhan akhlak remaja Muslim pada saban hari semakin meningkat dan membimbangkan seterusnya ia menjadi ancaman besar terhadap kemenjadian generasi pelapis negara pada masa depan. Ia berpunca dari kurangnya didikan agama, latar belakang keluarga yang bermasalah, nilai pendidikan yang rendah, teknologi yang berleluasa dan pengaruh rakan yang memberi kesan terhadap individu, keluarga dan masyarakat. Oleh yang demikian, objektif kajian ialah (i) Mengenalpasti pendekatan tahfiz sedia ada di Malaysia, (ii) Mengenalpasti pendekatan tahfiz yang sesuai diterapkan dalam pembentukan akhlak remaja Muslim dan (iii) Membangunkan model akhlak remaja berpendekatan tahfiz di Malaysia. Reka bentuk kajian kualitatif berpendekatan kajian kes. Kajian bermula dengan sorotan literatur, diikuti temu bual dua wakil dari Persatuan Madrasah Tahfiz Al-Quran Malaysia (PERMATA) dan Gabungan Persatuan Institusi Tahfiz Kebangsaan (PINTA) seterusnya temu bual terhadap empat orang pakar bidang dari Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), Universiti Sains Malaysia (USM) dan Universiti Teknologi MARA (UiTM). Kesemua informan kajian telah dipilih menggunakan persampelan bertujuan (purposif), manakala data-data temu bual telah dianalisis menggunakan analisis tematik berbantuan Perisian ATLAS ti9. Dapatan kajian mendapati bahawa terdapat tujuh pendekatan tahfiz sedia ada di Malaysia iaitu (i) Pendekatan agama dan keilmuan (ii) Pendekatan pendidikan, tarbiah dan adab, (iii) Pendekatan sokongan sosial (iv) Pendekatan pembentukan personaliti (v) Pendekatan disiplin, (vi) Pendekatan kepimpinan dan (vii) Pendekatan psikiatri. Seterusnya, terdapat hubungan yang signifikan antara psikologi remaja dengan pendekatan tahfiz yang mendatangkan perubahan positif terhadap akhlak remaja Muslim. Akhirnya, model akhlak remaja berpendekatan tahfiz telah berjaya dibangunkan hasil triangulasi data kajian iaitu sorotan literatur, data temu bual wakil tahfiz dan data temu bual pakar bidang UA terpilih di Malaysia. Oleh yang demikian, diharapkan model konseptual ini dapat membantu pihak berkepentingan remaja di negara dalam mengenengahkan pendekatan tahfiz sebagai salah satu solusi penyelesaian terhadap isu keruntuhan akhlak remaja Muslim. Ia membuktikan bahawa pendekatan berasaskan sumber al-Quran sangat sesuai digunakan dalam pemulihan dan pembentukan akhlak remaja Muslim selari dengan fitrah kejadian manusia ciptaan Allah SWT.

PENGHARGAAN

Syukur ke hadrat Allah SWT, kerana di atas limpah rahmat, kurnia serta izinNya dalam memberkati usaha kami bersama Prof. Madya Dr. Norazmi bin Anas dalam melaksanakan kajian dengan jayanya. Terima kasih tidak terhingga diucapkan kepada pihak Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) Malaysia kerana menaja kajian di bawah Geran FRGS 2018-1, Kod Penyelidikan: FRGS/1/2018/SSI03/UITM/03/1 bertajuk: Model Tahfizpreneur Tadbir Urus Tahfiz Swasta di Malaysia. Selain itu, penghargaan juga diberikan kepada UiTM kerana telah menaja kajian ini di bawah Geran Insentif Penyelidikan (GIP) 2021, Kod Penyelidikan: 600-RMC/GIP 5/3 (114/2021) bertajuk Pembangunan Model Akhlak Remaja berteraskan Tahfiz (MART) di Malaysia. Saya amatlah menghargai peluang yang diberikan oleh pihak KPT yang bertindak seperti jambatan yang menghubungkan masyarakat dengan ilmu.

Sekalung penghargaan dan ucapan terima kasih diucapkan kepada Prof. Dr. Mohd Afandi bin Mat Rani, mantan Dekan Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS) serta tidak lupa kepada Ketua Pusat Pengajian Pasca Siswazah ACIS, Prof Madya Dr. Rafeah Saidon atas segala komentar positif serta tunjuk ajar samada secara realiti mahupun alam maya.

Saya mengucapkan jutaan terima kasih kepada pihak Universiti Teknologi MARA terutamanya Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS) kerana sudi menerima saya menjadi salah seorang pelajar Sarjana Pengajian Islam Kontemporari serta menjadikan saya salah seorang penyumbang dalam bidang penyelidikan. Sekalung penghargaan kepada penyelia Prof Madya Dr. Norazmi Anas atas segala tunjuk ajar, bimbingan, khidmat nasihat, motivasi serta dorongan sepanjang menjalani proses menyiapkan tesis. Hanya Allah yang mampu membalas jasa baik Yang Berbahagia Prof Madya Dr. Norazmi Anas atas segala ilmu yang dicurahkan kepada saya.

Penghargaan juga diberikan kepada ahli keluarga yang saya kasihi kerana memberi sokongan moral serta suntikan semangat dalam diri dalam usaha merealisasikan kajian.

ISI KANDUNGAN

Muka Surat

PENGESAHAN OLEH PANEL PEMERIKSA	ii
DEKLARASI PENULIS	iii
ABSTRAK	iv
PENGHARGAAN	v
ISI KANDUNGAN	vi
SENARAI JADUAL	ix
SENARAI RAJAH	x
SENARAI SINGKATAN	xi

BAB 1 PENGENALAN	1
1.1 Pendahuluan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	2
1.3 Masalah Kajian	3
1.4 Objektif Kajian	6
1.5 Soalan Kajian	6
1.6 Definisi Operasional	7
1.6.1 Model	7
1.6.2 Akhlak Remaja	7
1.6.3 Tahfiz	7
1.7 Skop dan Limitasi Kajian	7
1.8 Signifikan Kajian	8
1.9 Struktur Bab	9
1.10 Kerangka Konseptual Kajian	9
1.11 Kesimpulan	12

BAB 2 SOROTAN LITERATUR	13
2.1 Pendahuluan	13
2.2 Sorotan Literatur	13
2.2.1 Akhlak: Definisi, Konsep dan Skop dalam Islam	13

BAB 1

Pengenalan

1.1 Pendahuluan

Saban hari, berita dan laporan mengenai keruntuhan akhlak anak-anak remaja semakin membimbangkan yang mana telah banyak tersebar di media elektronik dan media cetak. Sepertimana yang diketahui, anak-anak merupakan suatu anugerah dan kurniaan daripada Allah SWT kepada ibu bapa bahkan golongan remaja lah aset negara dalam membangunkan masa depan. Maka menjadi tanggungjawab kepada setiap ibu bapa untuk memberi pendidikan, menjaga, memberi perlindungan dan membentuk peribadi anak berakhlak mulia. Menurut (Muda *et al.*, 2015), remaja-remaja akan lebih mudah cenderung melakukan perkara-perkara menyalahi undang-undang dan perkara-perkara yang di luar jangkaan. Bahkan sebenarnya remaja-remaja menghadapi gangguan emosi sehingga menyebabkan mereka terjebak ke dalam masalah keruntuhan akhlak.

Namun begitu, ada beberapa perkara yang menjadi masalah kepada ibu bapa antaranya kesibukan ibu bapa bekerja dan menguruskan tugas harian sehingga mengabaikan tanggungjawab yang Allah SWT amanahkan kepada ibu bapa. Menurut (Aziddin *et al.*, 2018), faktor utama remaja terjebak dalam masalah keruntuhan akhlak adalah disebabkan faktor kerapuhan institusi keluarga. Mereka akan menjadi liar dan sukar dibendung adalah disebabkan kurangnya kawalan daripada ibu bapa dan kesibukan bekerja dari siang hingga malam.

Kesibukan ibu bapa bekerja dan menguruskan tugas harian membuatkan anak-anak lebih banyak menghabiskan masa bersama gajet. Seseengah ibu bapa berpendapat anak-anak lebih selamat berada di dalam rumah bermain gajet berbanding keluar bermain bersama rakan-rakan. Namun, apa yang perlu dibimbangkan kesibukan ibu bapa menguruskan tugas harian menghadkan masa untuk mendidik anak-anak. Pernyataan disokong oleh K Jussly Elis, Pengarah Jabatan Perlaksanaan Jangkauan, Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) menyatakan kesibukan dengan tugas harian seringkali dijadikan alasan untuk mengabaikan tanggungjawab mereka dalam mendidik dan menghabiskan masa bersama anak. Malahan ibu bapa tidak seharusnya memberikan kebebasan sepenuhnya kepada anak-